



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Kerjasama Mesiniaga, MaGIC hasil produk inovatif

Berita Harian - Kerjasama Mesiniaga, MaGIC hasil produk inovatif

🕒 Rabu, Nov 22 2017



Kerjasama Mesiniaga, MaGIC hasil produk inovatif

Mesiniaga Bhd bekerjasama dengan Malaysia Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) bagi melancarkan program 'intrapreneurship', Makmal Inovasi Bright Side.

Kedua-dua pihak dalam satu kenyataan bersama semalam, berkata Bright Side bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dalam Mesiniaga, merangsang pemikiran kreatif dalam menyelesaikan masalah, menggalakkan dan menyokong 'intrapreneur' serta mengurangkan masa dalam membentuk penyelesaian terbaik.

Bright Side akan memberikan kakitangan Mesiniaga, satu saluran untuk mengesahkan idea perniagaan, melengkapkan diri dengan kemahiran dan keupayaan serta membawa produk mereka ke pasaran dengan bantuan rakan pemacu.

"Makmal inovasi menyasarkan pelancaran lapan produk baharu, produk atau perkhidmatan yang tersedia untuk pasaran menjelang akhir 2018. Mesiniaga akan memperkenalkan penyelesaian ini sebagai tawaran terbaharu atau diberi kepada anak syarikatnya bagi membuka pintu kepada peluang pasaran yang lebih luas," katanya.

Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mesiniaga, Datuk Wan Mohd Fuzil, berkata sejak beberapa tahun lalu, ia menyaksikan banyak perubahan dalam industri teknologi dan maklumat yang berkembang pantas.

"Bagi membantu pelanggan kami untuk berjaya, kami mesti sentiasa berinovasi dan jika kami mahu kekal relevan dalam dekad akan datang, adalah penting bagi kami untuk menerapkan budaya inovasi dan perubahan."

Pupuk budaya inovasi

"Kami perlu berubah kepada budaya yang memupuk inovasi dan penerokaan sebagai amalan, ini akan menjadikan kami setanding dengan industri yang sentiasa berkembang di sekeliling kami," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Ashran Ghazi, berkata 'intrapreneur' perlu membantu beberapa syarikat untuk bergerak ke hadapan dan menjadikan perniagaan mereka sentiasa relevan.

"Meraka komponen utama dalam pembangunan syarikat, berfikir di luar kotak bermakna mereka akan mendorong inovasi dari dalam, mencari penyelesaian baharu kepada masalah pasaran yang unik."

"Ini adalah penting kepada kemampuan syarikat untuk terus hidup, berhadapan dengan gangguan dan kekal relevan," katanya.

Pembabit MaGIC dalam Bright Side merangkumi penawaran khidmat nasihat dan pementoran, menyediakan latihan dan bengkel untuk membina keupayaan, termasuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam menggerakkan pemacu.

"Bright Side akan disepadukan ke dalam struktur Mesiniaga dan dibentuk mengikuti program pra-pemacu, dengan tumpuan bagi mengesahkan idea perniagaan dan merangka strategi pergi ke pasaran," katanya.

BERNAMA



Ashran Ghazi

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

